

KUALA LUMPUR, 13 JULAI (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYAMPAIKAN 142,000 UNIT SAHAM TERBITAN FELDA YANG BERNILAI \$30 JUTA KEPADA PENEROKA DAN KAKITANGAN AGENSI ITU.

SAHAM YANG BERNILAI \$200 SETIAP SATU DIBERIKAN KEPADA 119,293 PENEROKA DAN 22,707 ORANG KAKITANGAN DALAM SKIM PEMILIKAN SAHAM FELDA YANG BARU DIPERKENALKAN ITU.

PEMILIKAN SAHAM ITU, YANG MELAYAKKAN MEREKA MENJADI ANGGOTA KOPERASI PERMODALAN FELDA, DILAKSANAKAN MELALUI KEUNTUNGAN TERKUMPUL 13 BUAH PERBADANAN-PERBADANAN FELDA YANG BEROPERASI SEJAK TAHUN 1972.

PERDANA MENTERI MENYERAHKAN SIJIL-SIJIL SAHAM ITU KEPADA 12 ORANG WAKIL PENEROKA DAN KAKITANGAN PADA SEBUAH MAJLIS SELEPAS MERASMIKAN ASRAMA SEMAI BAKTI KELANA JAYA, DEKAT SINI.

PERBADANAN-PERBADANAN ITU, ANTARA LAIN MENJALANKAN PERNIAGAN DALAM BIDANG PEMASARAN, PENGANGKUTAN, PERKILANGAN, PEMBINAAN, PERKHIDMATAN PERTANIAN DAN PENGENDALIAN SUSU GETAH. -- LAGI
2046MST 13 07 90

D464

U B079 BAH
MAHATHIR - FELDA 2 KUALA LUMPUR

SEMASA BERUCAP PADA MAJLIS ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PESERTA-PESERTA RANCANGAN BARU FELDA AKAN DITAWARKAN SAHAM.

KATANYA, IA MERUPAKAN SALAH SATU CARA YANG PATUT DIIKUTI OLEH MASYARAKAT MELAYU JIKA MEREKA INGINKAN KEMAJUAN.

+MELALUI PEMILIKAN SAHAM, YANG DENGAN SENDIRINYA BERMAKNA PEMEGANGAN MODAL, PULANGAN YANG LEBIH STABIL DAN LEBIH BAIK BOLEH DIDAPATI,+ KATANYA DAN MENAMBAH BAHAWA PENGANTUNGAN KEPADA TANAH SEMATA-MATA ADALAH PENDIRIAN YANG LAPUK.

PERDANA MENTERI BERKATA PEMILIKAN SAHAM HARUS MENGGANTIKAN PEMILIKAN TANAH SERTA BENTUK-BENTUK HARTA YANG LAIN SUPAYA PENUMPUN DIBERI BUKAN KEPADA KELUASAN TANAH TETAPI HASIL DARIPADA TANAH ITU DALAM BENTUK DIVIDEN.

SIKAP INGIN MEMILIKI TANAH KERANA INGINKAN TANAH SEMATA-MATA SUDAH TIDAK SESUAI LAGI DENGAN KEADAAN SEKARANG KERANA APA YANG PENTING IALAH HASIL YANG DATANG DARI TANAH YANG DIUSAHAKAN DAN BAGAIMANA TANAH ITU DIGUNAKAN UNTUK MENDAPATKAN PULANGAN YANG LEBIH BAIK, KATANYA. -- LAGI
2047MST 13 07 90

D465

U B080 BAH
MAHATHIR - FELDA 3 KUALA LUMPUR

MENGENAI PEMILIKAN TANAH, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA SEKIRANYA TERLALU BANYAK TANAH DIMILIKI MELALUI FARAID IA TIDAK MEMBAWA APA-APA HASIL KERANA SUSAH UNTUK DIUSAHAKAN ATAU UNTUK DIJUAL KERANA PEMILIK TERLALU RAMAI DAN PENGURUSANNYA SUKAR DIJALANKAN.

+UNDANG-UNDANG FARAID TIDAK BOLEH DISALAHKAN.YANG SALAH IALAH ORANG-ORANG ISLAM YANG TIDAK TAHU ATAU TIDAK MAHU MENGAMALKANNYA DENGAN TIDAK MERUGIKAN DIRI. ADALAH MUSTAHIL UNDANG-UNDANG ISLAM YANG ADIL MEMBAWA KERUGIAN.+

PERDANA MENTERI BERKATA +YANG KITA KHUATIR IALAH AKHIRNYA TANAH FELDA AKAN DIJUAL KEPADA PIHAK LAIN KERANA TANAH ITU TIDAK MENDATANGKAN HASIL DAN WARIS YANG BUKAN LAGI BEKERJA SEBAGAI PENEROKA SUDAH TIDAK BERMINAT MENGERJAKAN TANAH ITU.+

BELIAU JUGA BERKATA KERAJAAN BOLEH MERANCANG DAN MELAKSANAKAN SKIM UNTUK KEBAIKAN RAKYAT TETAPI SAMA ADA IANYA MENDATANGKAN KEBAIKAN KEPADA KUMPULAN SASARAN BANYAK BERGANTUNG KEPADA MEREKA YANG MENYERTAI SKIM-SKIM ITU.

+DENGAN DIHASUT OLEH KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU, PESERTA-PESERTA SKIM BOLEH MENGUGUT KERAJAAN SUPAYA MEMBERI KEUNTUNGAN JANGKA PENDEK. TETAPI APA GUNANYA KEUNTUNGAN HARI INI JIKA KITA RUGI KEMUDIAN.+ -- LAGI

0466

U B081 BAH
MAHATHIR - FELDA 4 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR JÚGA BERKATA MASYARAKAT MELAYU PERLU MENINGKATKAN ILMU DAN PERLU BERANI MENGAMBIL RISIKO SERTA BEKERJA LEBIH KUAT DENGAN MENGGUNAKAN CARA DAN PENDEKATAN YANG LEBIH SESUAI UNTUK JAMINAN KEHIDUPAN YANG LEBIH SELESA DAN BAHAGIA.

+KITA TIDAK INGIN KEKAL SEBAGAI BANGSA MISKIN, MUNDUR DAN TERHINA OLEH KERANA PENCAPAIAN KITA ADALAH KURANG DARIPADA ORANG LAIN,+ KATANYA.

ASRAMA PELAJAR YANG DIRASMIKAN ITU BERHARGA \$6.7 JUTA DAN SIAP PADA HUJUNG TAHUN 1988 DAN MENGAMBIL PELAJAR KUMPULAN PERTAMA SERAMAI 225 ORANG PADA JANUARI TAHUN LEPAS.

ASRAMA ITU, YANG BOLEH MENEMPATKAN 480 PELAJAR, DIBINA UNTUK ANAK-ANAK PENEROKA DAN KAKITANGAN RANCANGAN FELDA DARI TINGKATAN SATU HINGGA LIMA. -- BERNAMA
2051MST 13 07 90